



GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN KENDERAAN CEKAP TENAGA 2017

DISEDIAKAN OLEH:

BAHAGIAN KEJURUTERAAN AUTOMOTIF
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

(DATO' IR. HJ. MOHAMAD BIN DALIB)
PENGARAH
BAHAGIAN KEJURUTERAAN AUTOMOTIF
TARIKH : 1 APRIL 2017



ISI KANDUNGAN

NO.	ISI KANDUNGAN	MUKASURAT
1.	Pengenalan	3
2.	Rujukan Undang-Undang	5
3.	Prosedur Permohonan Bagi Pengiktirafan EEV	6
4.	Carta Alir Prosedur Permohonan Pengiktirafan EEV	7
5.	Permohonan Pengiktirafan EEV di JPJ	8
6.	Carta Alir Permohonan Pengiktirafan EEV di JPJ	9
7.	Panduan Permohonan Pengiktirafan EEV di JPJ	
	7.1 Permohonan	10
	7.2 Pengujian Kenderaan	11
	7.3 Keputusan ujian kenderaan	13
	7.4 Penyaksian ujian (Witness Test) oleh Pegawai JPJ	14
8.	Contoh Laporan EEV Daripada Pihak JPJ kepada pihak MITI	15
9.	Contoh Sijil Kenderaan Cekap Tenaga (EEV)	16
10.	Spesifikasi Bagi Kenderaan Cekap Tenaga (Eev) Di Bawah Dasar Automotif Nasional 2014 (Motokar)	17
11.	Spesifikasi Bagi Kenderaan Cekap Tenaga (Eev) Di Bawah Dasar Automotif Nasional 2014 (Motorsikal)	18
12.	Lampiran 1 – Borang Permohonan EEV (Motokar)	19
13.	Lampiran 2 – Borang Permohonan EEV (Motorsikal)	21





1. PENGENALAN

Kenderaan Cekap Tenaga atau dalam istilah Bahasa Inggeris iaitu *Energy Efficient Vehicle* merupakan kenderaan motor yang menggunakan bahan bakar atau bahan api pada kecekapan tertentu yang diukur dari segi jumlah penggunaan bahan api kenderaan tersebut bagi suatu jarak perjalanan sejauh 100 kilometer (L/100km). Kecekapan tertentu di sini merujuk kepada kadar penggunaan bahan api seperti yang digariskan di bawah Dasar Automotif Nasional 2014.

Sejajar dengan perkembangan teknologi terkini, pengiktirafan bagi Kenderaan Cekap Tenaga juga melibatkan tahap pencemaran yang dihasilkan oleh kenderaan dan skopnya diperluaskan kepada kenderaan-kenderaan yang menggunakan bahan api alternatif, hybrid dan juga kenderaan elektrik.

Selaras dengan dasar dan Kerajaan Malaysia yang memberi lebih penumpuan kepada teknologi hijau, pembangunan bagi Kenderaan Cekap Tenaga digalakkan melalui penekanan salah satu objektif dalam Dasar Automotif Nasional 2014 iaitu bermatlamat membangunkan Malaysia sebagai pusat atau hab automotif serantau bagi Kenderaan Cekap Tenaga. Bagi merancakkan industri ini, terdapat pelbagai insentif yang diberikan iaitu:

- (i) Pengeluaran Lesen Pengilang baharu bagi kenderaan dalam kategori EEV bagi semua segmen kenderaan;
- (ii) Pemberian insentif *customised* bagi menarik lagi pelaburan strategik dalam kategori kenderaan EEV;
- (iii) Pemberian insentif *customised* bagi membangunkan sektor strategik supaya ekosistem automotif dapat dipertingkatkan. Antara sektor strategik adalah enjin, transmisi dan sistem kawalan, set dai dan acuan (*die and mould*), acuan aluminium dan *non-ferrous*;
- (iv) Dasar sedia ada bagi pengeluaran Lesen Pengilang baharu bagi segmen bukan EEV dikekalkan.





Di bawah Dasar Automotif Nasional 2014, spesifikasi bagi Kenderaan Cekap Tenaga digariskan melalui dua kategori iaitu bagi kenderaan motokar dan motosikal. Kedua-dua kategori kenderaan tersebut perlu memenuhi spesifikasi penggunaan bahan bakar yang ditetapkan bagi membolehkan ia dikategorikan sebagai Kenderaan Cekap Tenaga.

Permohonan bagi pengiktirafan Kenderaan Cekap Tenaga ini adalah tertakluk di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di mana pihak MITI mempertanggungjawabkan Bahagian Kejuruteraan Automotif, Jabatan Pengangkutan Jalan untuk melaksanakan verifikasi dan segi dokumentasi dan juga pemeriksaan ke atas kenderaan sebelum kenderaan tersebut mendapat pensijilan Kenderaan Cekap Tenaga seterusnya melayakkan pengeluar atau pengilang kenderaan tersebut menikmati insentif-insentif yang digariskan di bawah Dasar Automotif Nasional 2014.


Berdasarkan kepada status terkini, pelaksanaan EEV hanya akan berdasarkan kepada kecekapan penggunaan bahan bakar sahaja, dan tidak meliputi standard pelepasan asap disebabkan oleh kualiti penggunaan bahan bakar di Malaysia yang belum mencapai tahap yang diperlukan. Pelaksanaan secara menyeluruh akan dilaksanakan setelah kualiti petrol dan diesel bertaraf Euro 4M diperkenalkan di Malaysia.





2. RUJUKAN UNDANG-UNDANG

- (i) Akta Pengangkutan Jalan 1987
 - a) Seksyen 10
 - b) Seksyen 12
 - c) Seksyen 66
- (ii) Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan & Penggunaan) 1959
- (iii) *UN Regulations 101 (Uniform Provisions Concerning the Approval of Passenger Cars Powered By An Internal Combustion Engine only, or Powered by a Hybrid Electric Power Train With Regard To The Measurement of the Emission of Carbon Dioxide and Fuel Consumption And/Or The Measurement of Electric Energy Consumption And Electric Range, and of Categories M1 and N1 Vehicles Powered By An Electric Power Train Only With Regard To The Measurement of Electric Energy Consumption and Electric Range).*
- (iv) *MS ISO 6460 (Motorcycles – Measurement Method for Gaseous Exhaust Emission and Fuel Consumption).*





3. PROSEDUR PERMOHONAN BAGI PENGIKTIRAFAN EEV

Pihak MITI selaku badan yang bertanggungjawab menggariskan dasar-dasar yang terkandung di dalam Dasar Automotif Nasional 2014, telah mencadangkan penambahbaikan kepada prosedur pengiktirafan EEV sedia ada kepada prosedur baharu yang akan memberi manfaat kepada lebih banyak pihak.

Cadangan prosedur baharu ini dikemukakan oleh pihak MITI kepada JPJ selaku badan yang bertanggungjawab melakukan proses verifikasi ke atas dokumen permohonan dan pemeriksaan ke atas kenderaan EEV. Pihak JPJ melalui perbincangan yang telah diadakan bersama MITI, telah bersetuju dengan cadangan prosedur baharu tersebut.

Prosedur baharu ini dilaksanakan bermula pada 1 April 2017 di mana pihak yang ingin memohon pengiktirafan EEV perlu memajukan permohonan tersebut kepada pihak MITI.


Pihak MITI bertanggungjawab untuk memanjangkan permohonan tersebut kepada pihak JPJ dan pihak Malaysia Automotive Institute (MAI). Pihak JPJ bertanggungjawab melaksanakan proses verifikasi ke atas dokumen permohonan dan pemeriksaan kenderaan, manakala pihak MAI pula akan mengendalikan *Cost Benefit Analysis (CBA)* bagi *Customised Incentive* EEV seperti yang tertakluk di bawah Dasar Automotif Nasional 2014.

Hasil keputusan daripada kedua-dua pihak JPJ dan MAI akan dimajukan semula kepada pihak MITI di mana pihak MITI bertanggungjawab memaklumkan hasil keputusan tersebut kepada pihak pemohon.





4. CARTA ALIR PROSEDUR PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN EEV





5. PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN EEV DI JPJ

JPJ selaku agensi kerajaan yang terlibat secara langsung bagi pengiktirafan EEV, diberi tanggungjawab untuk melaksanakan proses semakan ke atas dokumen permohonan EEV dan proses verifikasi ke atas kenderaan yang terlibat.

Proses semakan dokumen adalah bagi memastikan pemohon menyertakan dokumen yang betul bagi kategori kenderaan yang dipohon. Salah satu aspek penting yang dinilai dalam dokumen permohonan adalah sijil pematuhan kepada peraturan yang telah ditetapkan iaitu peraturan UN R101 bagi kenderaan motokar dan peraturan ISO 6460 bagi kenderaan motorsikal.


Pemeriksaan dan verifikasi ke atas kenderaan pula adalah bagi memastikan kenderaan tersebut benar-benar memenuhi kriteria yang diperlukan untuk melayakkan ia mendapat pengiktirafan sebagai kenderaan EEV. Di antara kriteria penting yang dinilai semasa proses verifikasi ialah kadar penggunaan bahan api kenderaan mengikut spesifikasi seperti yang ditetapkan di bawah Dasar Automotif Nasional 2014. Spesifikasi tersebut boleh dirujuk di dalam Garispanduan ini.

Hasil pemeriksaan ke atas dokumentasi dan verifikasi kenderaan tersebut oleh pihak JPJ akan dipanjangkan kepada pihak MITI bagi penilaian seterusnya dan keputusan akhir akan diumumkan oleh pihak MITI kepada pemohon.





6. CARTA ALIR PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN EEV DI JPJ





7. PANDUAN PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN EEV DI JPJ

7.1 Permohonan

- (i) Setiap borang permohonan yang dikemukakan kepada Jabatan ini hendaklah mendapat kelulusan pihak MITI terlebih dahulu dan hendaklah mengandungi maklumat-maklumat seperti berikut :
- a) Surat permohonan rasmi syarikat;
 - b) Borang Permohonan Pengesahan Kenderaan EEV (Lampiran 1 – Motokar / Lampiran 2 – Motorsikal); **dan**
 - c) Salinan Sijil Pematuhan Peraturan UN R101 (Motokar) atau laporan pengujian yang dikeluarkan oleh pihak *Technical Service* yang diiktiraf dan disaksikan oleh pegawai JPJ; **atau**
 - d) Salinan Laporan Pengujian ISO 6460 (Motorsikal) yang telah disahkan oleh pihak *Technical Service*.
- (ii) Semua permohonan hendaklah dihantar dalam bentuk portfolio sebanyak 1 salinan sahaja. Dokumen permohonan ini tidak akan dikembalikan setelah urusan selesai.
- (iii) Format portfolio adalah ditentukan oleh pegawai Bahagian Kejuruteraan Automotif, Jabatan Pengangkutan Jalan dari semasa ke semasa. Pegawai berhak mengarahkan pemohon mengemukakan dokumen maklumat tambahan sekiranya diperlukan.





- (iv) Maklumat yang terdapat di dalam dokumen yang dikemukakan hendaklah benar dan tidak bercanggah dengan fizikal kenderaan yang dipohon untuk menjalani proses verifikasi Kenderaan Cekap Tenaga (EEV). Sekiranya didapati palsu / bercanggah dengan fizikal kenderaan, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berhak untuk membatalkan permohonan tersebut.
- (v) Pegawai Pengangkutan Jalan (PPJ) yang menerima permohonan bertanggungjawab untuk merekod dan memfailkan dokumen yang diterima serta menyerahkan kad penerimaan permohonan kepada pemohon.

7.2 Pengujian Kenderaan

- (i) Pegawai Pengangkutan Jalan berhak menentukan tarikh, tempat dan masa pengujian kenderaan yang dimohon.
- (ii) Bagi setiap permohonan, pihak pemohon perlu menghantar sebuah (1) kenderaan yang bertepatan dengan model yang dimohon bagi pengujian Kenderaan Cekap Tenaga (EEV).
- (iii) Pemohon perlu memastikan kenderaan yang dihantar adalah dalam keadaan lengkap dan sempurna.
- (iv) Kenderaan yang dihantar perlu disertakan dengan plat perdagangan (*trade plate*) bagi kenderaan yang belum berdaftar, manakala bagi kenderaan yang telah berdaftar perlu mempunyai Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang masih sah.





- (v) Pemohon perlu memastikan bahan api kenderaan tersebut diisi penuh dan perlu mengisytiharkan spesifikasi bahan api yang digunakan (petrol/diesel/RON).
- (vi) Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan berhak untuk membatalkan permohonan sekiranya model kenderaan yang diuji tidak sama dengan maklumat di dalam dokumen permohonan tersebut.
- (vii) Pengujian ke atas kenderaan hendaklah dilakukan oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang Pegawai Pengangkutan Jalan. Pegawai tersebut berhak untuk melakukan ujian tambahan sekiranya dirasakan perlu.
- (viii) Semua kos pengujian kenderaan tersebut adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak pemohon.
- (ix) Pegawai Pengangkutan Jalan yang melakukan ujian tersebut perlu merekodkan hasil ujian ke dalam borang seperti yang dilampirkan di dalam garis panduan ini bagi tujuan laporan kepada Jurutera yang bertanggungjawab.
- (x) Sebarang keputusan ujian samada lulus atau gagal akan dimaklumkan secara bertulis kepada pihak MITI/pemohon dalam tempoh yang ditetapkan.





7.3 Keputusan ujian kenderaan


- (i) Keputusan ujian kenderaan akan ditentukan berdasarkan perbandingan di antara keputusan kadar penggunaan bahan api yang dinyatakan dalam sijil pematuhan UN R101/ISO 6460 (*combined value*) dan kadar penggunaan bahan api berdasarkan pengujian yang dilakukan oleh pegawai JPJ (*on the road simulation test*).
- (ii) Perbezaan nilai kadar penggunaan bahan api berdasarkan perbandingan tersebut adalah dihadkan sebanyak 30% sahaja.
- (iii) Sekiranya perbandingan tersebut tidak melebihi 30%, maka keputusan kadar penggunaan bahan api seperti yang dinyatakan di dalam sijil pematuhan UN R101/ISO 6460 (*combined value*) akan diguna pakai bagi menentukan kelayakan kenderaan tersebut untuk mendapat pengiktirafan EEV berdasarkan kepada jadual spesifikasi EEV di bawah Dasar Automotif Nasional 2014.
- (iv) Sekiranya perbandingan tersebut melebihi 30%, siasatan lanjut akan dijalankan mengikut situasi semasa dan berdasarkan keperluan yang akan ditetapkan oleh JPJ. Jika keputusan perbandingan masih lagi melebihi 30%, maka pemohon akan dimaklumkan keputusan akhir ujian yang dijalankan secara bertulis.





7.4 Penyaksian ujian (*Witness Test*) oleh pegawai JPJ

- (i) Bagi penyaksian ujian (*Witness Test*) oleh pegawai JPJ yang dilakukan di luar negara, pemohon perlu memaklumkan secara bertulis dalam tempoh tidak kurang dari satu (1) bulan dari tarikh ujian dijalankan.
- (ii) Semua perbelanjaan sepanjang tempoh ujian tersebut dilakukan termasuk kos (pengangkutan, penginapan, makan/minum) yang melibatkan pegawai JPJ adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.
- (iii) Setiap sesi bagi penyaksian ujian (*Witness Test*) tersebut perlu dihadiri oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang pegawai JPJ.





8. Contoh Laporan EEV Daripada Pihak JPJ kepada pihak MITI

NO. LAPORAN UJIAN JPJ: JPJ/EEV/.....



LAPORAN PEMERIKSAAN KENDERAAN BAGI PENGIKTIRAFAN EEV

Berikut merupakan model kenderaan yang telah diperiksa dan di pandu uji oleh pegawai-pegawai Bahagian Kejuruteraan Automotif, JPJ bagi tujuan pengiktirafan Kenderaan Cepak Tenaga (EEV). Model kenderaan ini di dapati memenuhi syarat kelayakan semasa yang ditetapkan di bawah Dasar Automotif Nasional 2014.

BIL.	BUTIRAN KENDERAAN			
1.	Buatan			
2.	Model			
3.	Bahan api			
4.	Kadar Penggunaan Bahan api [L/100km]	XX [L/100KM] – (COMBINED) (UN R101- XXXXXXXXX, XXXXXXXXXXXXXXXXX)		
5.	Tarikh Pengujian			
6.	Tekanan angin tayar			
7.	Keputusan ujian	Ujian pertama	Ujian kedua	Purata
		_____ (L/100km)	_____ (L/100km)	_____ (L/100km)
8.	Perbezaan keputusan ujian	Ujian pertama	Ujian kedua	Purata
		_____ %	_____ %	_____ %
9.	Penguji	1. _____		
		2. _____		


(_____)
IR. MOHD FAIRUZ BIN IZANI
Penolong Pengarah
Bahagian Kejuruteraan Automotif
b.p Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan
Malaysia

(_____)
DATO' IR. HJ. MOHAMAD BIN DALIB
Pengarah
Bahagian Kejuruteraan Automotif
b.p Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan
Malaysia





9. Contoh Sijil Kenderaan Cekap Tenaga (EEV)



No. Siri: EEV/ [REDACTED]


JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

SIJIL PENGIKTIRAFAN KENDERAAN SEBAGAI *ENERGY EFFICIENT VEHICLE* 'EEV'

Setelah penelitian terhadap semua dokumen dilaksanakan, berikut merupakan pengesahan spesifikasi teknikal bagi model yang telah dikemukakan :

BIL.	BUTIRAN KENDERAAN	
1.	Buatan	[REDACTED]
2.	Negara Pembuat	Malaysia (CKD)
3.	Model	[REDACTED]
4.	Bahanapi	Petrol
5.	Kuasa Enjin	109 cc / 6.14 kW
6.	Berat Kerb	98 KG
7.	Berat Max.Kenderaan(GVW)	253 KG
8.	Kadar Penggunaan Bahanapi [L/100km]	[REDACTED]
9.	Jenis Badan	Motosikal (MSL)
10.	Kod Model	[REDACTED]
11.	No.Rujukan Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA)	[REDACTED]
12.	Pemohon	[REDACTED]

Berdasarkan jadual diatas, Jabatan ini **TIADA HALANGAN** untuk mengiktiraf kenderaan tuan sebagai kategori *Energy Efficient Vehicle* 'EEV'.



Tarikh : 2 Februari 2017

DATO' Ir. HJ. MOHAMAD BIN DALIB

Pengarah

Bahagian Kejuruteraan Automotif

b.p. Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia





10. Spesifikasi Bagi Kenderaan Cekap Tenaga (EEV) Di Bawah Dasar Automotif Nasional 2014 (Motokar)

a) Kenderaan Penumpang dan Perdagangan

Jadual 10: *Standard Penggunaan Bahan Bakar Ekonomi*

SEGMENT	BUTIRAN	BERAT KENDERAAN (KG)	PENGUNAAN BAHAN BAKAR (L/100KM)
A	<i>Micro Car</i>	< 800	4.5
	<i>City Car</i>	801 – 1,000	5.0
B	<i>Super Mini Car</i>	1,001 – 1,250	6.0
C	<i>Small Family Car</i>	1,251 – 1,400	6.5
D	<i>Large Family Car</i>	1,401 – 1,550	7.0
	<i>Compact Executive Car</i>		

SEGMENT	BUTIRAN	BERAT KENDERAAN (KG)	PENGUNAAN BAHAN BAKAR (L/100KM)
E	<i>Executive Car</i>	1,550 – 1,800	9.5
F	<i>Luxury Car</i>	1,801 – 2,050	11.0
J	<i>Large 4x4</i>	2,051 – 2,350	11.5
<i>Others</i>	<i>Others</i>	2,351 – 2,500	12.0





11. Spesifikasi Bagi Kenderaan Cekap Tenaga (EEV) Di Bawah Dasar Automotif Nasional 2014 (Motersikal)



SAIZ ENJIN (cc)	PENGGUNAAN BAHAN BAKAR (L/100KM)
50 – 100	2.0
101 – 150	2.2
151 – 200	2.5
201 - 250	3.0





LAMPIRAN 1

BAHAGIAN KEJURUTERAAN AUTOMOTIF
IBU PEJABAT JABATAN PENGANGKUTAN JALAN, MALAYSIA

**BORANG PERMOHONAN PENGESAHAN KENDERAAN
SEBAGAI “ENERGY EFFICIENT VEHICLE” (EEV)**

A) BUTIRAN PEMOHON:

1.	Nama Syarikat / Pemohon	
2.	Alamat	
3.	No.Telefon	
4.	No.Faks	
5.	Tarikh Permohonan	

B) JADUAL PEMATUHAN SYARAT PERMOHONAN*

* Nota : Sila gunakan jadual yang berasingan sekiranya mempunyai model kenderaan lebih daripada satu.

1.	Buatan	
2.	Negara Pembuat	
3.	Model	
4.	Kod Model	
5.	Jenis Bahan api	
6.	Berat Kerb	
7.	Berat Maksimum Kenderaan (GVW)	
8.	Jenis Badan	
9.	Kadar Penggunaan Bahan api [L/100km] – (COMBINED)- UN R101	
10.	No. Kelulusan Peraturan UN R101	
11.	Tarikh Laporan Kelulusan Peraturan UN R101	
12.	No.Rujukan Sijil Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA)	
13.	Salinan Sijil & Laporan UN R101	Ada () / Tiada ()





C) PERAKUAN PERMOHON :

Saya / kami dengan ini mengaku bahawa segala keterangan di atas adalah benar. Jika terdapat sebarang maklumat yang tidak benar, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berhak menolak dan membatalkan permohonan yang dikemukakan ini dengan serta merta.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Tarikh : _____

SENARAI SEMAK DOKUMEN/ITEM YANG PERLU DIKEMUKAKAN:

Bil.	Dokumen	(√)
1.	Borang Permohonan	
2.	Surat Rasmi Permohonan	
3.	Salinan Laporan Pengujian Peraturan UN R101	
4.	<i>Proposal</i> berkenaan Spesifikasi / sistem kenderaan untuk pengiktirafan EEV	

Catatan :

Pemohon hendaklah memastikan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Pemohon wajib memastikan keadaan kenderaan adalah lengkap dan sempurna sebelum pemeriksaan dijalankan.
- (ii) Pemohon perlu memastikan tangki bahan api diisi penuh bagi kenderaan yang akan dibuat penilaian oleh Pegawai Pengangkutan Jalan (PPJ).
- (iii) Semua kos pemeriksaan / penilaian perlu ditanggung oleh pemohon.





LAMPIRAN 2

BAHAGIAN KEJURUTERAAN AUTOMOTIF IBU PEJABAT JABATAN PENGANGKUTAN JALAN, MALAYSIA

BORANG PERMOHONAN PENGESAHAN KENDERAAN SEBAGAI “ENERGY EFFICIENT VEHICLE” (EEV)

B) BUTIRAN PEMOHON:

1.	Nama Syarikat / Pemohon	
2.	Alamat	
3.	No.Telefon	
4.	No.Faks	
5.	Tarikh Permohonan	

B) JADUAL PEMATUHAN SYARAT PERMOHONAN*

* Nota : Sila gunakan jadual yang berasingan sekiranya mempunyai model kenderaan lebih daripada satu.

1.	Buatan	
2.	Negara Pembuat	
3.	Model	
4.	Kod Model	
5.	Jenis Bahan api	
6.	Kapasiti enjin (cc/kW)	
7.	Berat Kerb	
8.	Berat Maksimum Kenderaan (GVW)	
9.	Jenis Badan	
10.	Kadar Penggunaan Bahan api [L/100km] – ISO 6460	
11.	No. Kelulusan Peraturan ISO 6460	
12.	Tarikh Laporan Kelulusan Peraturan ISO 6460	
13.	No.Rujukan Sijil Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA)	
14.	Salinan Sijil & Laporan ISO 6460	Ada () / Tiada ()





C) PERAKUAN PERMOHON :

Saya / kami dengan ini mengaku bahawa segala keterangan di atas adalah benar. Jika terdapat sebarang maklumat yang tidak benar, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) berhak menolak dan membatalkan permohonan yang dikemukakan ini dengan serta merta.

Tandatangan : _____

Nama : _____

Tarikh : _____

SENARAI SEMAK DOKUMEN/ITEM YANG PERLU DIKEMUKAKAN:

Bil.	Dokumen	(√)
1.	Borang Permohonan	
2.	Surat Rasmi Permohonan	
3.	Salinan Laporan Pengujian Peraturan ISO 6460	
4.	<i>Proposal</i> berkenaan Spesifikasi / sistem kenderaan untuk pengiktirafan EEV	

Catatan :

Pemohon hendaklah memastikan perkara-perkara seperti berikut:

- (iv) Pemohon wajib memastikan keadaan kenderaan adalah lengkap dan sempurna sebelum pemeriksaan dijalankan.
- (v) Pemohon perlu memastikan tangki bahan api diisi penuh bagi kenderaan yang akan dibuat penilaian oleh Pegawai Pengangkutan Jalan (PPJ).
- (vi) Semua kos pemeriksaan / penilaian perlu ditanggung oleh pemohon.

